



PROF. DR. ISMANIZAN ISMAIL
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Rujukan: UKM.JCN.800-1/1/3

Tarikh : 2 Mac 2026

Prof. Dr. Mohd Shahrir bin Mohamed Said

Pengerusi

Jawatankuasa Etika Penyelidikan

(Sains Hayat dan Perubatan)

Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof.,

PENUBUHAN DAN TADBIR URUS (GOVERNAN) SEKRETARIAT ETIKA PENYELIDIKAN DI BAWAH PORTFOLIO TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil. 12/2025 bertarikh 29 September 2025 telah meluluskan Penstrukturan semula Jawatankuasa Etika Penyelidikan UKM kepada satu entiti rasmi yang dikenali sebagai Sekretariat Etika Penyelidikan UKM.
3. Penstrukturan semula ini adalah selaras dengan keperluan audit oleh *National Pharmaceutical Regulatory Agency* (NPRA) yang menekankan keperluan pewujudan sistem tadbir urus etika penyelidikan yang lebih bersepadu, telus dan mematuhi piawaian antarabangsa, termasuk amalan *Good Clinical Practice* (GCP) serta garis panduan etika penyelidikan yang berkaitan.
4. Dari segi struktur tadbir urus (governan) dan pelaporan, Sekretariat Etika Penyelidikan UKM adalah bertanggungjawab kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi) seperti mana ditunjukkan dalam **Rajah di Lampiran A**. Setiap portfolio diketuai oleh seorang Pengerusi Jawatankuasa Etika Penyelidikan yang dilantik oleh Universiti dan berada pada Aras 9 (aras jawatan Pentadbiran), setaraf dengan Ketua Program/Ketua Jabatan.
5. Sekretariat Etika Penyelidikan UKM berfungsi sebagai entiti rasmi Universiti yang mempunyai autonomi profesional dalam membuat keputusan berkaitan penilaian dan kelulusan etika penyelidikan, tertakluk kepada dasar serta peraturan Universiti dan perundangan yang berkuat kuasa. Tiada peruntukan khas kewangan disediakan kepada sekretariat. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat keperluan peruntukan bagi pelaksanaan tugas tertentu, permohonan hendaklah dikemukakan melalui Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi) untuk pertimbangan dan kelulusan sewajarnya.

PEJABAT NAIB CANSOLOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5080 Faks: +603-8921 4243 E-mel: tnchepe@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/cansolori

ILMU, MUTU DAN BUDI


www.ukm.my

6. Penubuhan ini merupakan langkah strategik Universiti dalam memperkukuhkan sistem tadbir urus penyelidikan secara holistik, berintegriti dan bertaraf antarabangsa. Sehubungan itu, pemakluman ini dikemukakan untuk rujukan rasmi serta penguatkuasaan struktur tadbir urus yang telah diluluskan.

Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Prof. dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



PROF. DR. ISMANIZAN ISMAIL

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan & Inovasi)

- s.k. - **Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur)**
Universiti Kebangsaan Malaysia
- **Pengerusi**
Jawatankuasa Etika Penyelidikan
(Sains Hayat dan Perubatan)
Universiti Kebangsaan Malaysia
- **Pengerusi**
Jawatankuasa Etika Penyelidikan
(Sains Sosial dan Kemanusiaan)
Universiti Kebangsaan Malaysia
- **Pengerusi**
Jawatankuasa Etika Penyelidikan
(Sains dan teknologi)
Universiti Kebangsaan Malaysia
- **Pengerusi**
Jawatankuasa Etika Penyelidikan (Haiwan)
Universiti Kebangsaan Malaysia


:berlampir

PEJABAT NAIB CANSELOR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5080 Faks: +603-8921 4243 E-mel: tncheipi@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/canselori

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my



Rajah 1: Struktur Organisasi (Governan) Sekretariat Etika Penyelidikan UKM